

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
KAWASAN : KETEREH
TARIKH : 9 JUN 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan melengkapkan pembinaan Lebuh raya Pantai Timur dengan menyambunginya ke Kelantan sehingga sampai ke Sempadan Thailand seperti yang dibuat di Pantai Barat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pantai Timur atau LPT dilaksanakan secara berfasa, iaitu melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. LPT Fasa 1 di Pahang sepanjang 169 km telah siap dibina pada tahun 2004, manakala LPT Fasa 2 pula untuk negeri Terengganu sepanjang 184 km baru sahaja disiapkan dan dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas pada 31 Januari 2015 yang lalu.

Cadangan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 di Kelantan atau LPT3 sememangnya diakui berpotensi untuk dilaksanakan menerusi kaedah penswastaan. Perkara itu kini sedang dalam pertimbangan Agensi Pusat. Setakat ini Kajian Kemungkinan Awalan projek LPT3 telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan yang terlibat, iaitu dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pangkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Sehubungan itu, keputusan dasar mengenai pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan diumumkan Kerajaan pada bulan Jun 2015 ini.

Mengenai cadangan pembinaan jambatan persahabatan yang baharu yang menghubungkan Malaysia dan Thailand di Pangkalan Kubor-Tak Bai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian kemungkinan awalan mengenai cadangan pembinaan jambatan tersebut telah disiapkan oleh Kerajaan Thailand pada tahun 2012

yang lalu. Projek ini dicadang untuk dilaksanakan secara usaha sama dengan Kerajaan Thailand sebagaimana kaedah pembinaan jambatan Bukit Bunga – Bukit Ta di Jeli yang disiapkan pada tahun 2008 yang lalu. Cadangan projek ini merupakan salah satu agenda perbincangan utama dalam Mesyuarat Jawatankuasa Strategi Pembangunan Bersama di Kawasan Sempadan atau 'Joint Development Strategy for Border Areas' (JDS) antara Kerajaan Malaysia dan Thailand.

Sehubungan itu pelaksanaan projek ini tertakluk kepada hasil rundingan JDS berkenaan yang dijangka akan diadakan dalam tempoh masa terdekat ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 81

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) justifikasi Suruhanjaya Penerbangan perlu melaporkan secara langsung kepada Perdana Menteri dan bukannya Menteri Pengangkutan; dan
- (b) adakah laporan-laporan yang dikeluarkan oleh suruhanjaya ini akan dibentangkan ke Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang akan ditubuhkan kelak adalah perlu melaporkan secara langsung kepada Menteri Pengangkutan dan bukannya kepada Perdana Menteri.

- (b) Berhubung pertanyaan sama ada laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya ini akan dibentangkan ke Parlimen, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia akan melaporkan penyata akaun dan aktivitinya bagi sesuatu tahun kewangan dan laporan pengauditan terhadap mana-mana aspek industri penerbangan awam kepada Parlimen.